

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOONG  
[ TEBRAU ]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan secara terperinci jenis dan jualan pertanian yang dihasilkan, dan makanan yang telah dikilang dan dijual serta eksport pada tahun 2019, 2020, dan 2021 hingga kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 sektor pembuatan makanan dan minuman telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM230.4 bilion. Manakala bagi tahun 2020, sektor ini mencatatkan peningkatan 8.0% nilai jualan kepada RM248.9 bilion. Selain itu juga, bagi tempoh Januari hingga September 2021 sektor ini mencatatkan nilai jualan sebanyak RM204.1 bilion.

Di dalam sektor perkhidmatan jualan borong dan runcit pula, produk-produk hasil pertanian dan makanan telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM147.6 bilion pada tahun 2019. Pada tahun 2020, jualan borong dan runcit hasil pertanian dan makanan telah mencatatkan peningkatan 3.9% kepada RM153.4 bilion. Manakala bagi tempoh Januari hingga September 2021, hasil jualan borong dan runcit bagi hasil pertanian dan makanan telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM119.1 bilion.

Bagi nilai eksport pula, pada tahun 2019 eksport bahan makanan mencatatkan nilai sebanyak RM34.0 bilion. Manakala pada tahun 2020 eksport bahan makanan adalah sebanyak RM33.7 bilion. Selain itu juga, bagi tempoh Januari hingga September 2021 eksport bahan makanan mencatatkan nilai sebanyak RM27.7 bilion.

Sekian, terima kasih.